



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Bagi Minggu 13/2010 (28 Mac hingga 3 April 2010)

Sepanjang minggu ke-13, iaitu bagi tempoh antara 28 Mac hingga 3 April 2010, sejumlah 823 kes demam denggi dengan 2 kematian telah dilaporkan di seluruh negara. Terdapat peningkatan sebanyak 26 kes (3%) demam denggi berbanding dengan 797 kes pada minggu sebelumnya, dengan lapan (8) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor (44 kes), Johor (15 kes), Perak (13 kes), Sabah (12 kes), Melaka (5 kes), Pulau Pinang (4 kes), N.Sembilan (3 kes) dan Terengganu (1 kes) seperti di lampiran A.

Jumlah terkumpul kes yang dilaporkan bagi tahun ini adalah 12,980 kes dengan 45 kematian berbanding 15,031 kes dengan 37 kematian bagi tempoh yang sama tahun lepas. Walaupun kes menurun sebanyak 14%, tetapi bilangan kematian pada tahun ini meningkat sebanyak 22%.

Dua (2) kematian yang dilaporkan pada minggu lepas adalah dari Selangor dan Johor, disebabkan oleh Demam Denggi Berdarah dan komplikasi *Dengue Shock Syndrome*. Kedua-dua kes kematian terjadi samada di kawasan wabak atau di kawasan yang berisiko untuk jangkitan denggi kerana mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi iaitu di antara 3.2% hingga 5%.

Terdapat 49 kawasan “hot spot” yang dikenalpasti pada minggu lepas dan 20 daripada kawasan ini masih mempunyai tempat pembiakan Aedes yang tinggi iaitu di Selangor, Sarawak, WP Kuala Lumpur dan Johor (Lampiran D). Hanya 11 (22%) dari kawasan “hot spot” sahaja yang telah mengadakan aktiviti gotong-royong.

Masyarakat setempat masih lagi kurang prihatin terhadap masalah denggi di kawasan masing-masing. Selagi masih terdapat tempat pembiakan Aedes, masalah demam denggi akan berterusan dan penduduk setempat adalah berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan demam denggi. Dengan ini, masyarakat setempat digesa supaya mengambil pendekatan proaktif seperti memastikan persekitaran rumah sentiasa bersih dan menjalankan aktiviti gotong-royong secara berkala untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes di kawasan masing-masing bagi membendung penularan kes demam denggi.

Dengan peningkatan kes kematian denggi yang tinggi pada tahun ini berbanding tahun lepas, masyarakat perlu sedar bahawa tanggungjawab untuk membasmi demam denggi bukan hanya terletak di bahu pihak Kementerian Kesihatan atau pihak yang berwajib semata-mata tetapi ianya adalah tanggungjawab bersama individu dan masyarakat setempat. Perlu diingatkan bahawa semua masyarakat, tidak mengira kedudukan, keturunan atau bangsa, berisiko untuk dijangkiti dengan demam denggi sekiranya tempat pembiakan Aedes masih tidak dihapuskan.

Kematian yang disebabkan oleh demam denggi boleh dicegah sekiranya anda atau ahli keluarga anda yang mengalami demam mendapatkan rawatan awal di klinik atau hospital terdekat. Pengamal perubatan yang mengendalikan kes juga perlu melaporkan kes-kes yang

disyaki denggi dengan segera ke Pejabat Kesihatan terdekat supaya tindakan kawalan segera dapat diambil bagi menghalang penularan jangkitan denggi.

Bagi Penyakit Chikungunya, sejumlah 8 kes Chikungunya telah dilaporkan pada minggu lepas, menunjukkan penurunan sebanyak 43% berbanding dengan minggu sebelumnya iaitu 14 kes. Majoriti kes iaitu 6 kes dilaporkan dari Sarawak, manakala Sabah 2 kes. Terdapat 2 lokaliti wabak dilaporkan yang juga berlaku di Sarawak.

**(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

5 April 2010

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 13/2010  
(28 Mac hingga 3 April 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 13/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 13/2009
		Minggu 13 (28 Mac – 3 April 2010)	Minggu 12 (21 – 27 Mac 2010)		
1	Perlis	1	1	32	50
2	Kedah	12	15	131 (1)	331
3	P. Pinang	18	14	312 (2)	750
4	Perak	40	27	428	1,275
5	Selangor	425 (1)	381 (2)	6,080 (25)	8,080 (24)
6	WPKL & Putrajaya	94	107	1,424 (2)	1,319 (5)
7	N. Sembilan	23	20	591 (1)	273 (4)
8	Melaka	11	6	116 (2)	192
9	Johor	66 (1)	51	757 (3)	777 (2)
10	Pahang	19	28	346 (1)	299 (1)
11	Terengganu	13	12	270	348
12	Kelantan	21	35	277 (1)	446
13	Sarawak	55	87 (1)	1,638 (6)	561
14	Sabah	25	13	571 (1)	313 (1)
15	WP Labuan	0	0	7	17
	<b>Jumlah</b>	<b>823 (2)</b>	<b>797 (3)</b>	<b>12,980 (45)</b>	<b>15,031 (37)</b>

Nota: ( ) Kematian

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG  
DILAPORKAN PADA MINGGU 13/2010 BERBANDING MINGGU  
SEBELUMNYA (12/2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1-13 Tahun 2010	Jumlah Terkumpul Minggu 1- 13 Tahun 2009
		Minggu 13 ( 28 Mac – 3 April 2010)	Minggu 12 ( 21 – 27 Mac 2010)		
1	Perlis	0	0	0	14
2	Kedah	0	0	0	31
3	P. Pinang	0	0	2	51
4	Perak	0	0	3	245
5	Selangor	0	0	12	260
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	64
7	N. Sembilan	0	0	0	27
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	1	106
10	Pahang	0	0	1	55
11	Terengganu	0	0	1	34
12	Kelantan	0	0	2	269
13	Sarawak	6	14	471	8
14	Sabah	2	0	8	0
15	WP Labuan	0	0	7	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>8</b>	<b>14</b>	<b>508</b>	<b>1,164</b>

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

## SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 3 APRIL 2010 (Mg 13)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPSJ	SS 18	71	113
2	SELANGOR	MPSJ	USJ 11	73	103
3	SELANGOR	MBPJ	Mentari Court PJS 8	29	86
4	SELANGOR	Gombak	Kg Desa Aman	33	84
5	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak Fasa 9	24	80
6	SELANGOR	MBPJ	Flat Desaria PJS 5	37	76
7	SELANGOR	MBSA	Seksyen 7D (Teres -Jalan 7/63)	16	68
8	SELANGOR	HULU LANGAT	Apartment 16C Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	20	65
9	SELANGOR	MPSJ	Taman Sedang Perdana (SP 5)	22	61
10	SELANGOR	HULU LANGAT	Taman Cheras Awana	13	60
11	SELANGOR	HULU LANGAT	Seksyen 2 Bandar Rinching	25	58
12	SELANGOR	MPSJ	PJS 11	12	57
13	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang (Zon A)	12	56
14	SELANGOR	MPSJ	Pusat Bandar Puchong ( Jalan Wawasan )(2)	11	51
15	SELANGOR	MPSJ	Taman Bukit Serdang	16	49
16	SELANGOR	MPSJ	USJ 6	12	49
17	SELANGOR	MPKJ	Taman Sepakat Indah	12	48
18	SELANGOR	MPS	Taman Pelangi Rawang	13	43
19	SELANGOR	GOMBAK	Bandar Baru Selayang Fasa 2B	7	43
20	SELANGOR	GOMBAK	Taman Industri Tago Kepong	14	41
21	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang (Zon B)	13	40
22	SELANGOR	HULU LANGAT	PKNS Beranang	13	38
23	SELANGOR	MBPJ	SS 9A	18	37
24	SELANGOR	MPAJ	Pandan Jaya (Zon B)	9	37

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
25	SELANGOR	GOMBAK	Taman Selayang Utama	5	33
26	SELANGOR	HULU LANGAT	Seksyen 3 Taman Pelangi Semenyih	19	31
27	SELANGOR	GOMBAK	Apartment Julia (Bandar Baru Selayang F2B)	6	30
28	SELANGOR	MPSJ	Taman Serdang Raya 4	8	30
29	WPKL	CHERAS	PPR Taman Mulia	26	88
30	WPKL	CHERAS	Kg Malaysia Tambahan	5	36
31	WPKL	CHERAS	PPR Desa Tun Razak	17	82
32	WPKL	CHERAS	Taman Maluri Jalan Jejaka	10	33
33	WPKL	SETAPAK	Taman Setapak Jaya (Jalan Rejang 4-10)	23	81
34	WPKL	SETAPAK	Keramat Wangsa Kelumpuk Kuang, Teratai, Menara Merak kayangan.	16	72
35	WPKL	SETAPAK	Jalan Semarak (Pulapol)	6	38
36	WPKL	SETAPAK	Heritage Kondo	16	31
37	WPKL	SETAPAK	Keramat Wangsa Kelumpuk Cempaka Penguin	14	32
38	WPKL	PUSAT BANDAR	Flat Sri selangor	76	66
39	WPKL	PUSAT BANDAR	Kg, Baru (Jalan Hamzah, Jalan Hj Yahya Syeikh Ahmad)	9	37
40	WPKL	DAMANSARA	Kg Sg Pencala	7	31
41	WPKL	KLANG LAMA	Vista Angkasa	11	44
42	WPKL	KLANG LAMA	Bukit Jalil (Jalil Damai Apartment)	9	30
43	JOHOR	MPJBT	Taman Desa Cemerlang Rumah Pangsa, Pelentong.	45	105
44	JOHOR	MPJBT	Taman Pelangi Indah Flat Jalan Cantik, Tebrau.	18	93
45	JOHOR	MBJB	Taman Kenanga, Tebrau	9	52
46	SARAWAK	MIRI	Pujut Tanjung Batu, Lorong 1C	18	110
47	SARAWAK	MIRI	Piasau Utara Lorong 3B	15	121
48	PAHANG	KUANTAN	Taman Cenderawasih	24	61
49	PAHANG	KUANTAN	Taman Pasdec Makmur	14	31

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" YANG MASIH MEMPUYAI KADAR PEMBIAKAN NYAMUK  
AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE 13**

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)</b>	<b>Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa</b>
1	WP KL	KLANG LAMA	Vista Angkasa	80.0	80
2	WP KL	PUSAT BANDAR	Flat Sri Selangor	21.0	21
3	SELANGOR	GOMBAK	Tmn Selayang Utama	13.3	13
4	JOHOR	MBJB	Tmn Kenanga, Tebrau	11.7	2
5	WP KL	SETAPAK	Jln Semarak (Pulapol)	9.1	9
6	SELANGOR	MPSJ	SS 18	8.3	8
7	SELANGOR	MPS	Tmn Pelangi Rawang	7.1	14.2
8	WP KL	CHERAS	Tmn Maluri Jln Jejaka	7.0	7
9	JOHOR	MPJBT	Tmn Pelangi Indah Flat Jln Cantik, Tebrau	6.7	7
10	SELANGOR	GOMBAK	Tmn Industri Tago Kepong	5.3	11
11	SELANGOR	GOMBAK	Taman Sri Gombak Fasa 9	4.8	5
12	SELANGOR	HULU LANGAT	Tmn Cheras Awana	3.8	4
13	SELANGOR	GOMBAK	Kg. Desa Aman	3.3	3
14	SELANGOR	GOMBAK	Bandar Baru Selayang Fasa 2B	2.6	5
15	JOHOR	MPJBT	Tmn Desa Cemerlang Rumah Pangsa, Pelentong	2.4	2
16	SELANGOR	HULU LANGAT	PKNS Beranang	2.2	2
17	WP KL	SETAPAK	Keramat Wangsa Kelompok Cempaka Penguin	2.0	2
18	SELANGOR	MPAJ	Tmn Dagang (Zon B)	1.9	2
19	SELANGOR	MPSJ	USJ 11	1.4	1
20	SARAWAK	MIRI	Piasau Utara Lorong 3B	1.3	1